

PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

**Ismail Said
Nur Anita Hasnan
Haslindawati Saari
Shuwaibah Rasidi**

Penghayatan Etika dan Peradaban

© MK e-Solutions Sdn. Bhd.

ISBN 978-967-0036-71-7

Terbitan Pertama : 2025

PENULIS

Ismail Said

Nur Anita Hasnan

Haslindawati Saari

Shuwaibah Rasidi

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak dibenarkan dicetak atau disalin semula, disimpan dalam mana-mana sistem perolehan kembali, diedarkan atau dipindahkan dalam sebarang bentuk, sama ada bentuk elektronik, salinan foto, rakaman atau dengan cara apajua pun, tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada MK e-Solutions Sdn. Bhd., Malaysia.

Kesahihan fakta dan tafsiran dalam terbitan ini adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan tidak mewakili pandangan, tafsiran dan huraian pihak penerbit.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-0036-71-7

Penerbit:

MK e-Solutions Sdn. Bhd. (200801002403) (MKE)

6th Floor, Suite 16, IOI Business Park, Persiaran Puchong Jaya Selatan,
Bandar Puchong Jaya, 47100 Puchong Selangor. Malaysia.

Tel: +603 80644228. Fax: +603 80642050

Website: <http://www.mke-solutions.com> Email: enquiries@mke-solutions.com

Dicetak oleh:

CIPTA Printing & Publishing (M) Sdn Bhd

No.16, Persiaran Rishah 14, Kawasan Perindustrian Silibin, 30100 Ipoh, Perak.
Malaysia Tel : +605-5262627 Fax : +605-5262205

KANDUNGAN

Kandungan	i
Prakata	ii
Bab 1 Pengenalan Ilmu Etika dan Peradaban	1
Bab 2 Teori-Teori Etika	25
Bab 3 Etika dan Peradaban dalam Kepelbagaian Tamadun	41
Bab 4 Pemantapan Kesepaduan Nasional di Malaysia	75
Bab 5 Perlembagaan Persekutuan Tonggak Etika dan Peradaban di Malaysia	143
Bab 6 Penerapan Etika dan Peradaban dalam Budaya dan Komunikasi	185
Bab 7 Peranan Etika dan Peradaban Mendukung Tanggungjawab Sosial	212
Bab 8 Integriti dan Antirasuah di Malaysia	241
Bab 9 Cabaran Kelestarian dalam Peradaban dan Isu-Isu Semasa di Malaysia	281
Biodata Penulis	354

PRAKATA

Buku *Penghayatan Etika dan Peradaban* ini diterbitkan sebagai usaha untuk memperkukuh kefahaman masyarakat tentang nilai-nilai murni yang menjadi teras kepada pembentukan tamadun yang berakhlak, inklusif dan sejahtera. Dalam era globalisasi yang serba mencabar, aspek etika dan peradaban bukan sahaja penting untuk pembangunan sahsiah individu, malah menjadi asas kepada keharmonian sosial dan kestabilan negara.

Kandungan buku ini disusun dengan teliti, merangkumi pelbagai perspektif dari aspek konsep, teori, etika dan peradaban dalam pelbagai tamadun, pemantapan kesepaduan nasional di Malaysia, perlembagaan sebagai tonggak etika dan peradaban di Malaysia, penerapan etika dan peradaban dalam budaya dan komunikasi, peranan etika dan peradaban mendukung tanggungjawab sosial, integriti dan antirasuah di Malaysia, cabaran kelestarian dalam peradaban dan isu-isu semasa di Malaysia.

Penyusunan buku ini diharap dapat memberi panduan kepada pembaca untuk menghayati nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian, serta menyumbang kepada pembentukan warganegara yang beretika, rasional dan berbudaya tinggi. Kami juga berharap buku ini dapat dimanfaatkan dalam pelbagai konteks pendidikan, penyelidikan dan amalan sosial.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah menyumbang idea, masa dan tenaga dalam menjayakan penerbitan buku ini. Semoga usaha ini menjadi sebahagian daripada ikhtiar berterusan untuk membina sebuah masyarakat yang berperadaban tinggi dan bersatu padu.

Sekian, terima kasih.

Panel Penulis

Dr Ismail Said

Dr Haslindawati Saari

Nur Anita Hasnan

Shuwaibah Rasidi

1

PENGENALAN ILMU ETIKA DAN PERADABAN

Ismail Said

1.1 KONSEP ETIKA

Kamus Dewan Bahasa mendefinisikan etika sebagai akhlak atau moral seseorang dalam kelakuan atau pergaulan mereka (Kamus Dewan Edisi Keempat). Etika menurut French dan Granrose (1995) ialah "A set of normative guidelines directed towards resolving conflicts of interest, so as to enhance societal well-being". Menurut Buchholz (1989) pula mendefinisikan etika sebagai "... is a systematical attempt, through the use of reason, to make sense of our individual and social moral experience in such a way as to determined the rules that ought to governed human conduct and the values worth pursuing in life". Sarjana Barat yang lain seperti White (1993), menyatakan etika adalah cabang falsafah yang berkaitan dengan kebaikan moral (virtue moral) dan menilai tindakan manusia. Pandangan lain menyatakan etika ini diambil